

PM: Kita perlu jadi pengeluar teknologi

26 JULY 1994

KUALA LUMPUR 26 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia perlu menjadi pengeluar dan pencipta teknologi bagi mencapai cita-citanya untuk menjadi sebuah negara maju.

Kata Perdana Menteri, Malaysia tidak boleh terus menerus kekal sebagai pengguna teknologi orang lain sahaja.

“Saintis kita perlulah lebih agresif dalam penyelidikan mereka. Kita perlulah berani menerokai bidang-bidang baru dengan pendekatan yang lebih saintifik dan logik,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap melancarkan perayaan Seabad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan, di sini, hari ini.

Kata Dr. Mahathir, andaian-andaian lama yang digunakan selama ini perlu dirombak dan dilihat dari sudut yang lain pula kerana tiada sempadan yang dapat menghalang pemikiran yang berani dan kreatif.

Perdana Menteri juga menegaskan, mereka yang terlibat dalam pendidikan, khususnya dalam bidang perubatan veterinar dan sains penternakan, hendaklah mendahului perkembangan dan bukan sekadar menjadi pengikut kemajuan.

Selain itu, kata Perdana Menteri, masa sudah tiba bagi negara untuk menjadikan ternakan binatang selain daripada ayam dan

babi sebagai industri yang bercorak komersil.

“Ternakan secara sambilan dan kecil-kecilan sudah tidak sesuai lagi dan tidak akan dapat menjamin bekalan bagi rakyat yang kian bertambah,” katanya.

Beliau juga menegaskan, penternak yang mengamalkan cara lama pasti akan ketinggalan kerana mereka tidak akan dapat bersaing dalam pasaran terbuka.

“Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan

(GATT) yang baru kita meterai akan membawa implikasi besar kepada penternak. Sempadan negara bukan lagi boleh dijadikan benteng untuk melindungi industri yang tidak efisien.

“Daya saing merupakan senjata yang paling sesuai dalam pasaran yang lebih terbuka. Ini juga bermakna penternak perlulah berani menerima teknologi baru dan membuat pelaburan yang lebih besar,” katanya.

Sementara itu, ketika bercakap kepada para pemberita, Perdana Menteri mahu usahawan sektor pertanian mengambil kesempatan untuk terlibat terus dalam Kerjasama Segi Tiga Utara, meliputi Malaysia, Indonesia dan Thailand - yang masih mempunyai ramai tenaga buruh yang lebih murah serta tanah yang masih luas.

“Kerajaan ketiga-tiga negara telah bersetuju mewujudkan kerjasama yang

berterusan, dan mana-mana usahawan Malaysia yang berminat, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Kementerian Pertanian sedia menghulurkan bantuan,” ujarnya.

Kata beliau, sektor pertanian masih mempunyai ruang untuk berkembang pada tahun 2020 walaupun perkembangan tidak se pantas dan se hebat perkembangan sektor pembuatan.

Menurut beliau, banyak bidang baru yang masih belum diterokai. Sebagai contoh, Dr. Mahathir berkata:

“Kita boleh ternak rusa, anab, kemudian tinkan atau sediakan daging-daging yang segar, pelbagai jenis ternakan yang belum pernah dimakan, misalnya itik Beijing, yamyuh (ayam dengan puyuh) dan macam-macam lagi.”

Kata beliau, sektor pertanian di Malaysia tidak berkembang dengan pantas kerana penduduk di negara ini lebih berminat untuk terlibat dalam bidang perniagaan, menjadi broker saham atau sektor-sektor kewangan yang lain.

“Kalau kita bergantung kepada bidang-bidang ini sahaja, kita tidak boleh meraih keuntungan daripada peluang-peluang lain,” ujarnya.